

PRINT BERITA HARIAN - "Bantuan Makanan Ringankan Beban Keluarga Miskin (Food Donation Helped To Lighten Needy Families' Burden)" (DATE RAN 1st Jan 2015)

Georgetown

Seramai 40 individu menerima sumbangan makanan masing-masing bernilai kira-kira RM100 selama empat bulan berturut-turut sehingga Mac tahun depan.

Sumbangan sempena Kempen 'Can-Lah!' anjuran Hotel Hard Rock, Pulau Pinang itu diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Pengarah Urusan hotel itu, John Primmer, berkata kempen itu dilancarkan sejak tiga tahun lalu. Tahun ini pihaknya menyumbangkan makanan bernilai RM18,000 kepada individu terpilih.

NGO turut bantu

Usaha itu kata beliau, bertujuan meringankan beban golongan kurang berkemampuan mendapatkan bekalan makanan harian.

Kempen dijalankan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) FoodBank4u.

"NGO ini bertanggungjawab

Bantuan makanan ringankan beban keluarga miskin



Sebahagian keluarga **gembira menerima sumbangan** Hotel Hard Rock Pulau Pinang.

[FOTO AMIR IRSYAD OMAR /BH]

menemu bual keluarga penerima bagi memastikan bantuan disalurkan kepada individu yang layak," katanya ketika ditemui

selepas menyampaikan sumbangan di Taman Sri Nibong, di sini, baru-baru ini.

Antara yang menerima bantuan

termasuk ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Seorang penerima yang juga ibu tunggal, Ely Marlina Osman, 35,

berkata beliau bersyukur kerana berpeluang menerima bekalan makanan untuk menampung keperluan lima anaknya berusia antara tiga hingga sembilan tahun.

Ibu tunggal dibantu

"Kini saya hanya perlu siapkan wang untuk perbelanjaan sekolah anak," katanya yang bekerja di ladang cili.

Suaminya meninggal dunia akibat penyakit barah saraf pada tahun lalu.

Seorang pekerja kilang, N Valarmathi, 53, berkata beliau berterima kasih kerana masih terpilih menerima bantuan makanan itu yang diterimanya sejak setahun lalu.

Beliau yang berpendapatan sekitar RM700 sebulan, berkata, ada kalanya wang itu tidak cukup untuknya menyediakan makanan harian untuk dia dan empat anaknya.